



Warga UMP bantu mangsa banjir dalam Gotong-Royong Perdana

Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) gigih menghulurkan bantuan dengan menjalankan aktiviti pembersihan dari rumah ke rumah penduduk dan tempat awam yang terlibat dalam bencana banjir menerusi Program Gotong-royong Perdana membabitkan lebih 2,000 dalam kalangan pelajar dan staf universiti pada 10 Disember 2013 yang lalu.

Keprihatinan universiti dalam usaha membantu ini memberi peluang di kalangan warganya yang terdiri di kalangan staf universiti dan pelajar bergerak secara berkumpulan menuju ke 60 lokasi penempatan yang antaranya melibatkan perkampungan Rasau Perdana, Taman Desa Samudera, Kampung Kurnia, Permatang Badak, Sungai Isap Perdana, Chendering, Sg. Isap Jaya, Taman Sepakat, Pandan Damai dan Pandan Perdana.

Lain-lain adalah penempatan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Belukar, SK Sungai Isap Murni, SK Chung Cin, SK Pandan, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanah Putih, SMK Bukit Rangin, SK Fakoh dan SK Bunut Rendang,

Program turut diserikan dengan kehadiran Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh dalam memberi suntikan semangat terhadap para sukarelawan untuk menjayakan program yang dijalankan secara serentak di Kuantan dan Pekan.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengurus

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Datuk Zuraidah Atan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusarie Zainuddin dan Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, aktiviti ini memberi peluang dalam kalangan sukarelawan membersihkan rumah warga universiti malah melibatkan penduduk setempat memandangkan kebanyakan mangsa mula pulang ke rumah masing-masing.

"Kerja-kerja pembersihan perlu dijalankan segera dan dengan bantuan sukarelawan ini dapat mengurangkan beban serta memberi semangat baharu dalam kalangan mangsa dan keluarga untuk meneruskan kehidupan memandangkan kebanyakan mereka bukan sahaja kehilangan harta benda malah tidak mempunyai bekalan makanan dan pakaian yang mencukupi," katanya yang menyampaikan taklimat mengenai Jawatankuasa Banjir UMP yang menubuhkan Pusat Gerakan yang beroperasi sejak 3 Disember lalu.

Tambah beliau, pusat gerakan yang beroperasi 24 jam di Jabatan hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD) ini bukan sahaja membantu staf dan pelajar yang terlibat dalam bencana banjir malah turut berperanan membantu masyarakat dalam menyampaikan sumbangan bekalan makanan dan pakaian serta turut menjalankan aktiviti pembersihan secara bergotong-royong.